



BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4 & 5

NAMA PENUH :	KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	TATABAHASA (PENYUNTINGAN) KATA GANDA	SK : 5.1 SP : 5.1.3
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Memahami jenis kata ganda. 2. Menyatakan kata ganda yang betul berdasarkan ayat yang dinyatakan.	RUJUKAN : BUKU TEKS BM T4 & T5
AKTIVITI :	1. Murid dapat mengetahui tiga jenis kata ganda. 2. Murid dapat menyatakan sekurang-kurang 80% kata ganda yang betul mengikut maksudnya.	

LATIHAN 1

ARAHAN

Tuliskan pasangan kata ganda berentak/berima dengan berdasarkan perkataan awal yang diberikan di bawah ini dan kemudian buat ayat dengan menggunakan kata ganda tersebut.

KATA GANDA BERENTAK		AYAT
1. comot-	Comot-momot	1. Pakaian Adam comot-momot kerana dia terjatuh ke dalam lopak semasa bermain bola
2. herot-		
3. kacau-		
4. desas-		
5. kotak-		
6. gelap-		
7. terang-		
8. saudara-		
9. lintang-		
10. kusut-		
11. compang-		
12. bukit-		
13. porak-		
14. hiruk-		
15. riuh-		

ARAHAN

Tuliskan kata ganda penuh yang betul dalam ruangan jawapan yang disediakan.



BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Mak Minah membeli sayur-sayuran di pasar pagi itu untuk membuat kuih_____. A onde-onde B epok-epok C baru-baru D cumi-cumi	
2	Pak Ali memasang hujung kelambu pada bumbung bilik tidur anaknya. A kuda-kuda B langit-langit C kisi-kisi D siku-siku	
3	Cahaya daripada badan___amat menarik untuk dilihat terutamanya pada waktu malam. A otak-otak B rama-rama C api-api D biri-biri	
4	Beberapa orang juak raja membawa _ketika upacara masuk Sultan Mahmud Syah ke balairuang seri. A aram-aram B ampai-ampai C iram-iram D inang-inang	
5	Penangkapan dua orang penjenayah itu dibuat selepas pengintipan dilakukan oleh _____ khas polis selama seminggu. A kakitangan-kakitangan B mata-mata C kunci-kunci D pengikut-pengikut	

ARAHAN

Pilih kata ganda separa yang betul bagi ayat di bawah.



JAWAPAN				
bebuli	tetingkap	lelabah	jejantas	sesungut
Pepijat	Lelayang	Bebuas	Tetikus	Tetambak
Rerama	Lelabi	Bebaru	Tetangga	jejambat
bebiri	rerambut	bebola	tetaman	jejari

BIL	AYAT
1	Encik Harun membersihkan sarang _____ di stor rumahnya.
2	Pengguna komputer riba haruslah memastikan jarak yang selamat antara mata dengan _____ peranti itu agar keselamatan mata mereka terpelihara.
3	Para murid diminta untuk menggunakan _____ ketika mahu melintas jalan yang sibuk itu.
4	Deodoran dalam botol berbentuk _____ itu dibeli untuk abang.
5	Cikgu Faris memberitahu murid bahawa mereka dapat melihat _____ serangga dengan jelasnya di bawah kanta mikroskop.

ARAHAN

Pilih kata ganda berentak yang betul dan masukkan dalam ruangan jawapan yang disediakan.

JAWAPAN				
huru-hara	kusut-masai	ulang-alik	lintang-pukang	gunung-ganang
hiruk-pikuk	compang-camping	bolak-balik	incang-incut	bukit-bukau
porak-peranda	calar-balar	mundar-mandir	herot-berot	semak-samun
riuh-rendah	comot-momot	lalu-lalang	keluh-kesah	hiruk-pikuk

BIL	AYAT
1	Peperangan yang berlaku antara kedua-dua buah negara itu telah mengakibatkan keadaan _____ di negara tersebut.
2	Badan beberapa orang peserta kembara hutan itu kelihatan _____ kerana terpaksa meredah kawasan semak samun ketika ekspedisi itu.
3	Puan Seetha _____ di ruang tamu kerana anaknya masih belum pulang ke rumah.
4	Halimah dimarahi oleh guru kerana tulisannya masih _____ walaupun sudah ditegur beberapa kali.
5	Pemandangan _____ sepanjang perjalanan ke pantai timur itu sangat memukau pandangan mata kami.

